

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM BAGI SEWA PETI SIMPANAN KESELAMATAN

(Tarikh Berkuatkuasa: 7 Disember 2021)

MBSB Bank Berhad (716122-P) (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") bersetuju untuk menyewakan dan
.....(selepas ini dirujuk sebagai "Penyewa") bersetuju untuk menyewa, tertakluk pada Terma-terma dan/ atau Syarat-syarat yang merangkumi keseluruhan operasi, Peti Simpanan Keselamatan yang bernomborSaiz(Terma-terma dan Syarat-syarat) selama setahun pada kadar sewa sebanyak Ringgit Malaysia.....(RM.....), setahun yang perlu dibayar terdahulu.

Di bawah konsep Ijarah, Bank dan Penyewa akan menyediakan kontrak perkhidmatan menyewa Peti Simpanan Keselamatan di Bank, dengan persetujuan daripada Penyewa untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat seperti yang dinyatakan seperti berikut:

Terma-terma & Syarat-syarat Am ini akan digunapakai bagi perkhidmatan sewaan Peti Simpanan Keselamatan yang ditawarkan oleh Bank. Bank boleh memperkenalkan terma lanjutan dan ciri-ciri yang berbeza dari semasa ke semasa.

1.0 AM

- 1.1 **Penting:** Penyewa ("Pelanggan") disarankan untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat sebelum mengisi Borang Permohonan. Penyewa dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma-terma dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini.
- 1.2 **Kontrak Syariah yang Berkenaan:** Kontrak Syariah yang terpakai ialah kontrak Ijarah. Ia adalah perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dengan menyewakan kotak-kotak kepada pelanggan. Ijarah merujuk kepada kontrak antara penyewa dan pemilik ke atas faedah atau manfaat aset/harta dengan kadar sewa dan tempoh yang dipersetujui.
- 1.3 **Tujuan:** Bank dan Penyewa bersetuju untuk menyewakan dan menyewa Peti Simpanan Keselamatan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini.

2.0 DEFINISI

Di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud yang khusus, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

'Bank' bermaksud MBSB Bank Berhad, termasuk hak terdahulu, pengganti hak milik dan penerima serah hak.

'Penyewa' bermaksud terdapat satu (1) atau lebih Penyewa yang terlibat.

'Tarikh Berkuatkuasa' bermaksud tarikh pelaksanaan Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini, iaitu pada September 2021.

'Peti' bermaksud Peti Simpanan Keselamatan kepunyaan Bank yang dipersetujui untuk disewa oleh Penyewa.

'Hari Bekerja' bermaksud hari bekerja (selain Sabtu, Ahad, atau Cuti Umum) di mana institusi kewangan yang diberi kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 di Kuala Lumpur, Malaysia, dibuka untuk perniagaan.

'Prinsip Syariah' bermaksud prinsip perbankan dan kewangan Islam seperti yang diterima dan disahkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

3.0 SYARAT-SYARAT UNTUK SEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

- 3.1 Layak untuk individu atau pemegang bersama sahaja. Maksimum sehingga dua (2) pemegang akaun bersama sahaja. Bagi Penyewa bersama, operasi Peti Simpanan Keselamatan hendaklah berdasarkan kepada mandat yang diberikan oleh Penyewa bersama kepada Bank.
- 3.2 Layak bagi pemastautin tetap dan bukan pemastautin dengan dokumen pengenalan diri yang sah.
- 3.3 Penyewa perlu mengekalkan Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i") selama tempoh penyewaan Peti Simpanan Keselamatan untuk tujuan pembayaran sewa tahunan melalui Arahan Tetap.
- 3.4 Pelanggan haruslah melengkapkan Borang Permohonan Peti Simpanan Keselamatan.

4.0 OPERASI BAGI PETI SIMPANAN KESELAMATAN

- 4.1 Operasi bagi Peti ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang sesuai yang ditetapkan kepada Bank dan Penyewa mestilah bekerjasama sepenuhnya dengan Bank.
- 4.2 Peti tersebut tertakluk kepada polisi dan prosedur Bank termasuk peraturan mengenai waktu beroperasi, prosedur pembukaan dan penutupan Peti, prosedur penamatan khidmat Peti, pembayaran sewa tahunan, deposit kunci dan caj-caj lain serta tindakan terhadap barang yang tidak dituntut dalam Peti.
- 4.3 Penyewa bertanggungjawab untuk membayar zakat (jika berkenaan) ke atas kandungan barang-barang yang disimpan di dalam Peti.

5.0 SEWAAN

- 5.1 Untuk menyewa Peti, Penyewa akan diminta membayar sewa tahunan terlebih dahulu bersama dengan jumlah deposit kunci di mana Penyewa mesti menetapkan Arahan Tetap dari Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i") untuk pembayaran sewa tahunan.
- 5.2 Sekiranya Penyewa menamatkan perkhidmatan sebelum selesainya tempoh sewaan, bayaran tahunan berdasarkan pro-rata akan dikenakan sehingga tarikh tutup Peti.
- 5.3 Bank akan mengeluarkan notis pada satu (1) bulan pertama kepada Penyewa sekiranya baki Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i") tidak mencukupi untuk pemotongan Arahan Tetap bagi sewa tahunan.
- 5.4 Bank akan mengeluarkan notis peringatan kedua kepada Penyewa sekiranya baki Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i") masih tidak mencukupi dan tidak dibayar selama dua (2) bulan selepas pengeluaran notis pertama.
- 5.5 Bank kemudiannya akan mengeluarkan notis penamatan akhir kepada Penyewa sekiranya sewa tahunan tidak dibayar selama tiga (3) bulan selepas pengeluaran notis pertama. Perkhidmatan Peti akan ditamatkan selepas satu (1) bulan dari tarikh notis penamatan akhir. Namun, Bank akan memberi pengecualian jika Penyewa memberitahu Bank dan memberikan justifikasi yang boleh diterima untuk sebarang penangguhan kepada penamatan sewaan Peti.
- 5.6 Bank berhak untuk melunaskan jumlah tunggakan dari jumlah deposit kunci sekiranya tidak ada sebarang jawapan yang diterima dari Penyewa selepas tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran notis pertama.
- 5.7 Peti akan dibuka secara paksaan enam (6) bulan selepas tarikh notis penamatan akhir, sekiranya Penyewa tidak mengambil barang yang didepositkan.
- 5.8 Bank akan mengeluarkan notis bertulis kepada Penyewa untuk menamatkan perkhidmatan sekiranya terdapat pelanggaran terhadap Klausula Terma-terma dan Syarat-syarat Am.
- 5.9 Bagi Penyewa Bersama, notis yang diberikan kepada salah seorang daripada mereka akan dianggap sebagai notis yang mencukupi untuk semua Penyewa Bersama.
- 5.10 Penyewa akan memberi kebenaran kepada Bank untuk memeriksa kandungan Peti berdasarkan permintaan untuk memastikan bahawa syarat-syarat yang dinyatakan dalam Klausula 5 ini dipatuhi. Sekiranya Bank mencurigai bahawa Penyewa telah melanggar Klausula ini, Bank berhak membuka Peti secara paksa, jika perlu, di mana Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan yang berlaku secara langsung atau sebaliknya akibat dari pembukaan Peti secara paksa.
- 5.11 Bank tidak wajib untuk memberikan jaminan terhadap kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya, dan tidak terlibat dalam kewujudan sebarang notis kepercayaan atau ekuiti yang ada pada kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya.

6.0 HAK BANK UNTUK TIDAK MEMBENARKAN AKSES

- 6.1 Penyewa boleh mengakses Peti pada bila-bila masa (kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dalam waktu perniagaan Bank.
- 6.2 Akses terhadap Peti Simpanan akan diberikan kepada Penyewa tertakluk kepada pengesahan identiti yang memenuhi kepuasan Bank.
- 6.3 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang terjadi akibat daripada penolakan akses Penyewa oleh Bank terhadap Peti sekiranya Bank tidak berpuas hati dengan pengesahan identiti.
- 6.4 Bank juga boleh menolak akses ke atas Peti jika terdapat bayaran sewa tahunan atau caj-caj lain yang tertunggak dan belum dibayar.
- 6.5 Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat penolakan Bank untuk membenarkan Penyewa mengakses Peti atas sebab keadaan yang tidak dijangka atau berdasarkan perintah dari mahkamah Malaysia.

7.0 DEPOSIT TERHADAP ITEM YANG TIDAK DIBENARKAN DALAM PETI SIMPANAN KESELAMATAN

- 7.1 Penyewa tidak boleh menggunakan atau membiarkan Peti tersebut digunakan untuk penyimpanan artikel atau catatan yang jelas dilarang oleh Syariah.
- 7.2 Penyewa tidak boleh mendepositkan barang-barang yang tidak dibenarkan oleh Syariah, cecair atau apa-apa barang yang boleh menyebabkan letupan merbahaya dan menyalahi undang-undang atau apa-apa yang boleh menjadi gangguan kepada Bank.
- 7.3 Penyewa akan membenarkan pihak Bank untuk memeriksa kandungan Peti bagi memastikan pematuhan Syariah berdasarkan perintah dari mahkamah Malaysia.

8.0 KUNCI

- 8.1 Setiap Peti harus mempunyai dua (2) set kunci, iaitu kunci A yang akan disimpan oleh Bank dan kunci B yang akan disimpan oleh Penyewa semasa pembayaran deposit kunci dan sewa tahunan.
- 8.2 Penyewa harus menyimpan kunci B dengan berhati-hati. Sekiranya berlakunya kehilangan, kecurian atau tersalah letak ke atas mana-mana kunci B, Penyewa akan segera melaporkan kepada Bank, dan Bank akan meminta agar Penyewa menanggung kos penggantian set kunci B yang baharu. Sekiranya Penyewa mencari dan terjumpa semula kunci yang hilang, dicuri, atau salah tempat, Penyewa bersetuju untuk mengembalikannya segera kepada Bank. Namun, kos untuk mengganti set pengeluaran kunci B baharu yang telah dibayar tidak akan dikembalikan kepada Penyewa.

- 8.3 Penyewa mesti bersetuju untuk tidak membuat pendua bagi kunci B terhadap Peti dalam apa jua keadaan, dan Bank akan merampas sebarang pendua bagi kunci B yang mungkin sampai pada pengetahuan atau pemilikan Bank.
- 8.4 Apabila atau sehingga Bank diberitahu tentang kehilangan kunci B, Bank tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pembukaan Peti dan pengeluaran kandungannya oleh mana-mana individu yang mempunyai kunci dan menyamar sebagai Penyewa. Segala pembaikan yang dibuat pada kunci atau kunci B mesti dilakukan sepenuhnya oleh pekerja yang dipilih oleh pihak Bank. Penyewa bertanggungjawab ke atas apa-apa perbelanjaan yang berlaku akibat kehilangan kunci B dan sebarang pembaikan yang berlaku akibat penggunaan Peti (termasuk kos kunci pengganti sekiranya perlu).

9.0 PENAMATAN

- 9.1 Bank boleh menamatkan perkhidmatan sewaan dengan mengeluarkan satu (1) bulan notis bertulis kepada Penyewa mengenai penamatan tersebut dan dalam hal ini, Bank akan mengembalikan bayaran tahunan pro-rata sehingga tarikh kuat kuasa penamatan tersebut.
- 9.2 Penyewa boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis bertulis kepada Bank dengan melengkapkan Borang Permintaan Perkhidmatan. Dalam kes sedemikian, Bank berhak ke atas kadar penyewaan sehingga tarikh kuat kuasa penamatan atau penutupan Peti di mana Penyewa mengeluarkan semua barang dari Peti tersebut (mana yang kemudian).
- 9.3 Setelah ditamatkan perkhidmatan, semua barang yang disimpan dalam Peti harus dikeluarkan oleh Penyewa dan kunci B harus dikembalikan kepada Bank. Penerimaan kunci B akan diakui oleh Bank dan Bank akan mengembalikan deposit kunci kepada Penyewa sekiranya tidak ada sewa tahunan atau bayaran dan caj lain yang tertunggak. Sekiranya terdapat sewa tahunan atau bayaran dan caj lain yang belum dijelaskan, ini akan ditolak daripada deposit yang dibayar kepada Bank untuk kunci B.
- 9.4 Sekiranya Penyewa tidak mengeluarkan kandungan Peti atau mengembalikan kunci B kepada Bank, pada atau sebelum tarikh kuat kuasa Penamatan Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini, Penyewa akan membayar kepada Bank caj sewa bulanan dari tarikh penamatan sehingga kandungan Peti dikeluarkan dan kunci B dikembalikan kepada Bank.
- 9.5 Sekiranya kunci B tidak dikembalikan kepada Bank dalam masa enam (6) bulan dari tarikh kuat kuasa Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini, Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membuka Peti secara paksa dan, jika Bank menganggapnya sesuai, untuk membuka mana-mana barangan atau kandungan yang dikunci di dalam Peti dan membuka atau memaksa membuka sebarang kandungan yang terkunci tanpa bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku.

10.0 PENDEDAHAN

- 10.1 Bank diberi kuasa untuk mendedahkan, menggunakan, dan memperoleh segala informasi yang berkaitan dengan Penyewa, atau perkara yang berkaitan dengannya menurut undang-undang Malaysia, peraturan, panduan atau arahan oleh mana-mana pihak berkuasa, atau sebagaimana yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank menurut undang-undang bertulis.

11.0 PERISTIWA KEMATIAN, HILANG AKAL, KEBANKRAPAN ATAU PENGGULUNGAN OLEH PENYEWA

- 11.1 Sekiranya berlaku kematian terhadap Penyewa, ejen sahnya atau saudara terdekat akan diberi akses untuk membuka Peti dan mengambil semula semua kandungan setelah penerimaan Waran Probet atau Surat Pentadbiran dan menandatangani surat ganti rugi, serta menunjukkan hak pemilikan Kunci B, dan tindakan ini secara langsung akan dianggap sebagai penamatan Terma-terma & Syarat-syarat Am ini. Walau bagaimanapun, Bank boleh, sesuai dengan prosesnya dan tanpa liabiliti atas segala kerosakan, membenarkan mana-mana individu yang mempunyai hak untuk menguruskan harta pusaka Penyewa berdasarkan perintah mahkamah untuk membuka Peti dan memeriksa kandungannya di hadapan pegawai yang diberi kuasa oleh Bank untuk membuka Peti tersebut dan memeriksa kandungannya.
- 11.2 Setelah kematian salah seorang daripada Penyewa, Bank berhak untuk membenarkan individu yang terselamat untuk mengakses Peti dan mengeluarkan semua kandungan yang ada. Sebelum akses tersebut, individu yang terselamat akan mengeluarkan Kunci B dan lain-lain pengesahan dan/ atau menandatangani dokumen yang mungkin diperlukan oleh Bank.
- 11.3 Setelah kematian Individu yang terakhir, semua hak dan kepentingan Penyewa yang telah meninggal dunia akan diserahkan kepada wakil sahnya setelah mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Pentadbiran dan wakil tersebut akan mengeluarkan Kunci B dengan mematuhi Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank, mempunyai akses ke Peti dan mengeluarkan semua kandungannya, di mana penyewaan Peti akan dianggap dihentikan perkhidmatannya dengan serta-merta.
- 11.4 Sekiranya berlaku ketidakwarasan atau kebangkrutan terhadap Penyewa, Bank boleh menggunakan pilihannya untuk mengemukakan kandungan Peti tersebut kepada penasihat undang-undang, kurator, atau penjaga atau pemegang amanah lain yang dipercayai dalam kebangkrutan, atau untuk Penyewa yang masih hidup, di mana penerimaan kandungan Peti tersebut dianggap sebagai pelepasan mutlak kepada Bank.
- 11.5 Bank tidak berkewajipan untuk menyerahkan kandungan Peti tersebut dengan apa jua cara sehingga individu tersebut mengemukakan bukti identiti dan/ atau kuasa yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 11.6 Sekiranya berlaku pembubaran atau lulus resolusi untuk penggulungan sukarela atau pemberian perintah dari mahkamah untuk penggulungan, hak akses ke Peti oleh Penyewa atau pegawai yang diakui akan segera dihentikan setelah menerima notis penyelesaian atau perintah penggulungan oleh Bank.
- 11.7 Bank boleh, mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada bukti yang difikirkan sesuai, membenarkan mana-mana individu menjadi pelikuidasi, penerima hak, atau penerima Penyewa dan penasihat undang-undang mereka untuk memeriksa dan membuat persediaan kandungan Peti tersebut di hadapan wakil dari Bank. Berikutan dengan itu, pelikuidasi, penerima hak, atau pembeli boleh menguruskan kandungan Peti dan akan dianggap sebagai Penyewa Peti mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini.
- 11.8 Sekiranya Bank menerima arahan yang bertentangan daripada semua pihak Penyewa, Bank boleh memilih untuk bertindak berdasarkan mandat semua Penyewa atau menghentikan penyewaan Peti.

12.0 PENGEUALIAN TANGGUNGJAWAB

- 12.1 Bagi kelalaian dan kesalahan yang dilakukan oleh Bank dan/ atau pegawainya, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan pada kandungan Peti yang disebabkan oleh sebarang sebab atau kejadian yang di luar kawalan pihak Bank misalnya bencana alam, rompak dan lain-lain.

13.0 PINDAAN KE ATAS TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- 13.1 Bank akan mengubah, dan/ atau menukar dan/ atau menyusun semula mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat yang merangkumi caj sewa dan caj lain dari Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini dengan memberitahu Penyewa terhadap perubahan yang dicadangkan dan pemberitahuan tersebut akan tertakluk kepada penerimaan atau penolakan Penyewa. Perubahan tersebut akan berkuatkuasa setelah dua puluh satu (21) hari pemberitahuan tersebut dipaparkan di premis Bank atau apa-apa medium komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

14.0 PERUBAHAN DALAM BUTIRAN

- 14.1 Penyewa hendaklah memberi notis dengan segera kepada Bank secara bertulis mengenai pertukaran alamat surat menyurat, nombor telefon/ telefon bimbit/ faks/ e- mel dan/ atau butiran lain yang direkodkan dengan Bank.
- 14.2 Pertukaran alamat Penyewa dengan apa-apa cara sekalipun tidak akan berkuatkuasa dan/ atau mengikat ke atas Bank kecuali notis sebenar mengenai pertukaran alamat telah diterima dan diakui sah oleh Bank.
- 14.3 Semua komunikasi yang dihantar melalui pos atau yang dihantarkan ke alamat Penyewa yang terakhir didaftarkan dengan Bank akan dianggap telah disampaikan dan diterima oleh Penyewa dengan sewajarnya.

15.0 PEMINDAHAN CAWANGAN ATAU PENAMATAN PERKHIDMATAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

- 15.1 Bank harus memberitahu Penyewa sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pemindahan Peti Simpanan Keselamatan. Tempoh pemberitahuan ini juga berlaku jika Bank berniat untuk menghentikan perkhidmatan Peti Simpanan Keselamatan.

16.0 PERUNTUKAN TIDAK SAH

- 16.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan prinsip Syariah dan Penyewa bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

17.0 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR

- 17.1 Perjanjian ini adalah ditadbir oleh, ditafsirkan dan digunakan selaras dengan bidang kuasa dan undang-undang Malaysia yang terpakai.
- 17.2 Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mematuhi setiap peruntukan bagi undang-undang bertulis di Malaysia yang harus mereka patuhi termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") (suatu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLA") (suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penggubahan wang haram, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah penggubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya) dan mana-mana akta, enakmen atau ordinan atau undang-undang berkaitan, peraturan-peraturan atau lain-lain perundangan subsidiari di bawah akta, enakmen atau ordinan atau mana-mana arahan, perintah, keperluan atau arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa di bawah undang-undang bertulis di Malaysia.

18.0 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

- 18.1 Penyewa dengan ini mengisytiharkan dan bersetuju bahawa mana-mana data/maklumat (termasuk data peribadi) yang berkaitan atau yang dirujuk atau berkaitan dengan permohonan Penyewa dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal Penyewa sama ada di sini atau kemudiannya pada permohonan ini boleh digunakan atau didedahkan oleh Bank bagi tujuan pemprosesan permohonan ini atau bagi menyediakan perkhidmatan seterusnya atau lain-lain produk dan perkhidmatan dan/ atau pemasaran langsung (jika berkenaan) untuk berkomunikasi dengan Penyewa bagi tujuan tersebut.

19.0 PEMATUHAN SHARIAH

- 19.1 Dengan ini dinyatakan bahawa tiada apa-apa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Am ini yang mewajibkan Bank atau Penyewa, masing-masing, untuk membayar atau menerima faedah (dengan maksud atau nama yang disebut) atas jumlah yang perlu dibayar atau dibayar kepada orang lain, atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip Syariah.
- 19.2 Dengan ini dipersetujui bahawa pengiraan dan pembayaran 'Zakat' (jika berkenaan) terhadap kandungan Peti Simpanan Keselamatan adalah tanggungjawab Penyewa.

20.0 PERLINDUNGAN TAKAFUL

- 20.1 Untuk mana-mana satu (1) unit Peti Simpanan Keselamatan bagi mana-mana saiz, jumlah perlindungan maksimum yang perlu dibayar kepada Penyewa untuk setiap Peti Simpanan adalah RM10,000.00. Sekiranya semua kos lain yang dikeluarkan tidak melebihi RM10,000.00 untuk satu (1) unit Peti Simpanan Keselamatan bagi mana-mana saiz, Penyewa akan dibayar jumlah yang setara dengan kerugian sebenar yang dialami oleh Penyewa. Sekiranya kerugian sebenar yang dialami melebihi RM10,000.00 untuk mana-mana satu (1) unit Peti Simpanan Keselamatan bagi mana-mana saiz, Penyewa akan dibayar sebanyak RM10,000.00 sahaja.
- 20.2 Sekiranya Penyewa memerlukan perlindungan Takaful tambahan untuk kandungan Peti Simpanan Keselamatan yang nilainya lebih tinggi daripada RM10,000.00 atau jumlah lain, Penyewa boleh melanggan perlindungan tersebut daripada pengendali Takaful bebas dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang akan ditentukan antara pengendali Takaful yang berkenaan dan Penyewa.
- 20.3 Bank bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang kehilangan dan/ atau kerosakan yang dialami oleh Penyewa akibat daripada kemusnahan/ kerugian/ kerosakan pada kandungan Peti Simpanan yang terjadi akibat rompakan dan/ atau kecurian tertakluk kepada penyelesaian dokumentasi tuntutan yang tepat, bertanggungjawab memberi perlindungan maksimum berjumlah RM 10,000.00 hanya untuk kerugian tersebut.

DALAM SAKSI DI MANA, pihak-pihak yang disebutkan di atas dan/ atau penandatanganan yang sah telah mengesahkan perjanjian mereka pada hari dan tahun yang tersebut di atas.

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak)
 MBSB BANK BERHAD (716122-P))
 Di hadapan:)

 Nama (Saksi):
 No. KP:

DITANDATANGANI oleh Penyewa yang disebut di)
 atas di hadapan:)
 Nama (Penyewa):
 No. KP:

.....
 Nama (Saksi): Name (Penyewa):
 No. KP: No. KP:

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak)
 Penyewa yang disebut di atas di hadapan:)
 Nama Penandatanganan yang diberi kuasa oleh Penyewa:
 No. KP:

Saya/ Kami mengesahkan penerimaan dua (2) kunci 'B' ke Peti Simpanan Keselamatan no:
 Dan mengesahkan bahawa saya/ Kami telah:

- (1) Menguji kedua-dua kunci 'B' tersebut dan mendapati kedua-duanya sesuai dan dapat digunakan untuk mengunci dan membuka kunci 'B' Peti Simpanan Keselamatan tersebut, dan bahawa kedua-dua kunci 'B' dan kunci 'B' yang disebutkan itu adalah dalam keadaan baik dan boleh beroperasi; dan
- (2) Memeriksa Peti Simpanan Keselamatan tersebut dan mendapati keadaannya dalam keadaan yang baik.

 Tarikh: